KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16.02.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JPN PAHANG			

Nasional

Rabu, 16 Februari 2022 BH

Pahang batalkan lesen pembalakan Bukit Makro

Arahan dikeluar selepas teliti analisis pasca banjir, kepentingan awam

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Kelulusan pembalakan yang diberikan untuk kawasan Bukit Makro di Maran, dekat sini, sudah dibatalkan kerajaan negeri pada 17 Januari lalu.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata arahan pembatalan itu dikeluarkan selepas penelitian berdasarkan analisis pasca banjir dilakukan, selain mengambil kira aspek kepentingan awam.

"Pihak jabatan sudah pun mengarahkan segala aktiviti prapembalakan di kawasan terbabit dihentikan dan semua jentera juga sudah dikeluarkan dari kawasan berkenaan," katanya melalui kenyataan, di sini, semalam.



Mohd Hizamri Mohd Yasin

Sebelum ini, tular di media sosial mengenai isu pembalakan yang diluluskan di kawasan hutan berkenaan yang menimbulkan bantahan aktivis alam sekitar serta penduduk tempatan.

Mengulas lanjut isu tular di media sosial itu, Mohd HIzamri berkata kawasan dimaksudkan itu adalah yang diluluskan kepada Amanah Saham Pahang (ASPA) membabitkan keluasan 40.47 hektar di atas tanah kerajaan.

"Kawasan diluluskan di Bukit Makro itu bagaimanapun tidak berada dalam kawasan hutan simpan dan semua penilaian terutama berkaitan impak alam sekitar, mendapat kelulusan semua jabatan yang terbabit.

"Kerja pembalakan di kawasan itu juga masih belum dimulakan pihak pelesen dan sebagai makluman, hanya kerja awalan membersihkan jalan pengeluaran dan pembinaan matau utama di atas tanah kerajaan saja dimulakan.

"Bagaimanapun, JPNP sudah mengarahkan supaya ia diberhentikan ketika musim tengkuh dan kejadian banjir di negeri Pahang, baru-baru ini.

"JPNP sudah mengarahkan segala aktiviti prapembalakan di kawasan itu diberhentikan dan semua jentera terbabit dikeluarkan daripada kawasan," katanya.